

**KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN**  
**Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian**  
**Aras 2, Blok Menara 4G3, Wisma NRE, Presint 4**  
**Pusat Pentadbiran kerajaan Persekutuan**  
**62574 PUTRAJAYA**



Telefon : 88712603  
Faks : 88893855  
Laman web : [www.kptg.gov.my](http://www.kptg.gov.my)

Rujukan tuan :

Rujukan kami : JKPTG/101/KPU/779 Jld 4 (13 )

Tarikh : 6 September 2007

Semua Pengarah Tanah dan Galian Negeri

Semua Pentadbir Tanah

Y.Bhg. Tan Sri / Dato' Seri / Datuk / Dato'/ Tuan,

**PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN BIL. 2/2007, HAD TEMPOH MASA MEMILIKI DAN MEMEGANG TANAH KERAJAAN PERSEKUTUAN YANG BELUM DAN TIDAK DIMAJUKAN OLEH KEMENTERIAN DAN AGENSI PENGGUNA.**

Dengan hormatnya saya ingin merujuk kepad perkara di atas dan bersama-sama ini disertakan pekeliling berkenaan untuk perhatian dan tindakan Y.Bhg. Tan Sri / Dato' Seri / Datuk / Dato'/ tuan jua.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(DATO' ZOAL AZHA BIN YUSOF)**

Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan  
Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian

**s.k:**


Y.Bhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara  
Pejabat Ketua Setiausaha Negara  
Jabatan Perdana Mentari

Y.Bhg. Ketua Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU)  
Jabatan Perdana Mentari

Y.Bhg. Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi (EPU)  
Jabatan Perdana Mentari

Fail

Float



**PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
PERSEKUTUAN BIL. 2/2007**

**HAD TEMPOH MASA MEMILIKI DAN MEMEGANG TANAH  
KERAJAAN PERSEKUTUAN YANG BELUM ATAU TIDAK  
DIMAJUKAN OLEH KEMENTERIAN ATAU AGENSI  
PENGGUNA**

---

**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**

---

**PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
PERSEKUTUAN BIL. 2/2007**

**HAD TEMPOH MASA MEMILIKI DAN MEMEGANG TANAH KERAJAAN  
PERSEKUTUAN YANG BELUM ATAU TIDAK DIMAJUKAN OLEH  
KEMENTERIAN ATAU AGENSI PENGGUNA**

Pekeling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pegawai Pengawal bagi Kementerian atau Agensi pengguna tanah Persekutuan mengenai had tempoh masa memiliki dan memegang tanah milik atau rizab Persekutuan yang belum atau tidak dimajukan.

2. Kerajaan Persekutuan mempunyai 4,712.6 hektar tanah milik dan 573.74 hektar tanah rizab yang **belum** atau **tidak dimajukan** secara fizikal oleh Kementerian atau Agensi pengguna. Walaupun jumlah tanah yang belum atau tidak dimajukan masih banyak, didapati permohonan perolehan tanah sama ada melalui pengambilan, pemberimilikan atau pembelian masih dibuat untuk projek-projek Kerajaan Persekutuan di bawah sesuatu rancangan lima tahun.

4. Sungguhpun usaha-usaha telah dibuat oleh pentadbiran ini untuk memastikan penggunaan tanah dimaksimakan melalui kaedah **pelepasan** dan **tukarguna** untuk Kementerian atau Agensi pengguna yang memerlukan tanah atau tapak projek, namun masih terdapat Kementerian atau Agensi pengguna tanah Persekutuan yang tidak mempunyai projek tidak mahu melepaskan tanah dibawah kawalannya untuk kegunaan Kementerian atau Agensi pengguna yang lain.

5. Sehubungan dengan itu, **Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tindakan Negara (JKTN) Bil. 6/2007** bertarikh 21 Ogos 2007 telah memutuskan supaya dihadkan tempoh masa memiliki dan memegang tanah Persekutuan yang belum atau tidak dimajukan oleh Kementerian atau Agensi pengguna. Kementerian atau Agensi pengguna hanya boleh memiliki dan memegang tanah-tanah yang belum atau tidak dimajukan bagi tempoh selama **lima (5)**

**tahun** sahaja. Oleh yang demikian tempoh lima (5) tahun ini hendaklah dikira dari tarikh pendaftaran hakmilik atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) atau dari tarikh pewartaan perizaban. Bagi tanah-tanah yang diperolehi sebelum dari tarikh pekeliling ini, tempoh lima (5) tahun itu hendaklah dikira bermula daripada tarikh sesuatu Rancangan Malaysia.

6. Sekiranya di dalam tempoh lima (5) tahun, Kementerian atau Agensi pengguna masih tidak membangunkan tanah tersebut maka ia hendaklah terserah tersendirinya kembali kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan bagi membolehkan tanah-tanah berkenaan ditawarkan kepada Kementerian atau Agensi pengguna yang lain melalui kaedah **pemadanan (match making)**.
7. Bagi Kementerian atau Agensi pengguna yang masih mahu memiliki dan memegang tanah yang belum atau tidak dimajukan walaupun telah tamat had tempoh memiliki dan memegang tanah Persekutuan, perlu mengemukakan justifikasi yang kukuh kepada Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian untuk dipertimbangkan.
8. Pekeliling ini hendaklah berkuatkuasa mulai dari tarikh ianya dikeluarkan.



(DATO' ZOAL AZHA BIN YUSOF)  
Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan

Fail : JKPTG/101/KPU/779 JLD 4 (13)  
Tarikh : 6 September 2007